


SENARAI KONTRAKTOR PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN 2021

BIL.	NAMA SYARIKAT	ALAMAT	NO. TEL	NAMA & ALAMAT eMAIL
1.	Azman bin Rahman	No. 89, Persiaran Guntong (S) 1/7, Kampung Tersusun, Jalan Sg Pari, 30100 Ipoh.	018 9466694	Azman bin Rahman mattmin68@gmail.com
2.	IDS Construction Supplier	No. 1406 Jalan Tempua, Kg Dato Said Tambahan 2, 30020 Ipoh.	019 3881951	Idris bin Endut idsconstructionsupplier@gmail.com
3.	Maheswary a/p Krishnan	No. 19, Lintasan Rokam 10, Pekan Razaki, 31350 Ipoh.	019 4036091	Allen a_ilangovanmahes@gmail.com
4.	Triple Fab Enterprise	Blok A-1-7, Medan Buntong Permai, 30100 Ipoh	012 5932251	Fariza bin Ali Badrul farizahanedadron'39Adek@yahoo.com
5.	Eclat Trading	No. 8, Persiaran Perindustrian Pengkalan 8, Kawasan Perindustrian Pengkalan, 31500 Lahat.	019 6560036	Wan Zatul
6.	Sj Kuberan Enterprise	No. 13, Hala Kledang Emas 14, Taman Klebang Emas, 30100 Ipoh.	016 5942122	Subra komala2306@yahoo.com
7.	F&R Adiwarna Enterprise	No. 4B Laluan Tasek Timur 3, Pusat Perdagangan Tasek Indra, 31400 Ipoh.	019 5472330	Nur Muhammad Nurzaihan fnradiwarna@gmail.com
8.	Jeynon Enterprise	PT 144205, Persiaran Tebing Tinggi 6, Kg Temiang, 31650 Ipoh.	017 5991286	Zainol zainolabidin118@gmail.com
9.	Xander Global Resources	No. 34, Jalan Meru Suria 9, Taman Meru Suria, 30020 Ipoh.	011 24228993	Ali alixander.gorgy@gmail.com
10.	Jasa Bersama Enterprise	No. 23A, Laluan Bunga Raya 5, Kampung Tersusun Batu 8, 31150, Ulu Kinta, Perak.	017 5215880	irdayuirdina604@gmail.com
11.	FS Irdayu Enterprise	No. 3 (Gerai MBI Batu 8) Laluan Teratai 3, Kampung Tersusun Batu 8, 31150 Ipoh	017 5215880 017 5125950	Faridatul Saadiah faridatulsaadiah123@gmail.com
12.	Alfa Idaman Enterprise	No. 20213, Jalan Undan, Kg. Dato Ahmad Said, Tambahan 2, 30020 Ipoh.	012 3556964	alfa_idaman@gmail.com

*Dikemaskini pada 11 Jan 2021



PROGRAM PEMATUHAN PEMBERSIHAN LOT SEMAK-SAMUN SENDIRI (KENDIRI)

3P3S KENDIRI

- PANDUAN KEPADA PEMILIK LOT KOSONG / RUMAH TERBIAR
- PANDUAN SENARAI NAMA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN SEMAK-SAMUN

IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU

Penafian

"Adalah diingatkan bahawa pihak Majlis Bandaraya Ipoh hanya membantu menyediakan senarai nama kontraktor yang pernah berurusan dengan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai panduan sahaja kepada pemilik Lot Tanah Kosong / Rumah Terbiar. Pihak Majlis Bandaraya Ipoh tidak terikat dengan mana-mana pihak dalam urusan pemilihan kontraktor pembersihan semak samun oleh pemilik Lot Tanah Kosong / Rumah Terbiar, atau berkaitan dengan kerja-kerja pembersihan atau sebarang bayaran yang berkaitan dengannya. Urusan antara kontraktor pembersih semak samun dan pemilik Lot Tanah Kosong / Rumah Terbiar adalah urusan tersendiri dan pihak Majlis Bandaraya Ipoh adalah terkecuali."

REKABENTUK :
MAJLIS BANDARAYA IPOH
HAKCIPTA TERPELIHARA

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi :

Unit Kesihatan Am,
Jabatan Kesihatan Persekitaran,
Majlis Bandaraya Ipoh

Tel : 05 - 208 3291 / 3293 / 3294

Peningkatan kes Denggi disebabkan oleh pelbagai faktor seperti persekitaran yang tidak bersih di mana lot kosong dan rumah terbiar yang mempunyai tempat-tempat pembiakan nyamuk, perubahan serotaip virus denggi, faktor pergerakan manusia, perubahan cuaca, urbanisasi dan aktiviti kawalan bagi mengawal transmisi jangkitan.

Lot-lot kosong bersemak samun dan rumah terbiar juga menjadi kacau ganggu kepada penduduk di sekitar dan menjadi sarang ular berbisa serta serangga / haiwan liar yang merbahaya kepada penduduk.

Apakah Tanggungjawab Pemilik Harta Lot Kosong / Rumah Terbiar ?

Memastikan lot-lot semak-samun / rumah terbiar diselenggara secara berjadual memastikan ianya tidak menjadi kacau ganggu persekitaran dan ancaman kesihatan awam.



Apakah Notis Kacau Ganggu ?

Notis menghendaki kacau ganggu dihapuskan yang dikeluarkan di bawah Seksyen 82, Akta Kerjaan Tempatan 1976 :-

Menghendaki kacau ganggu semak-samun dihapuskan atau dibersihkan pada lat tiap-tiap 30 hari dan pemilik dilarang menghapuskan kacau ganggu semak-samun dengan membakar atau meracun rumput.

Pemilik juga dikehendaki memindah dan memusnahkan tin-tin kosong atau lain-lain bekas yang boleh menakung air serta menjadi tempat pembiakan jentik-jentik Nyamuk Aedes.

Jika Gagal Patuhi Notis

Pemilik boleh dikenakan :

Tawaran kompaun RM 250.00 di bawah Undang-Undang Kecil Majlis atau RM 500.00 di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Apabila disabitkan denda tidak lebih RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya di bawah Seksyen 82 (5), Akta Kerajaan Tempatan 1976.



Bagaimana Mengelakkan Tindakan Undang-Undang

- Mematuhi arahan notis kacau ganggu atau ;
- Sekiranya pemilik-pemilik lot tanah kosong atau rumah terbiar tidak mampu membersihkan dengan sendiri dan tidak mempunyai kontraktor sendiri atau tiada kontraktor membersihkan semak-samun untuk dihubungi ;
- Pemilik lot kosong / rumah terbiar boleh memilih sendiri kontraktor pembersihan semak-samun daripada senarai nama kontraktor yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh, untuk dihubungi dan melakukan rundingan secara terus kadar caj pembersihan yang dipersetujui untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan atas pilihan mereka sendiri.

Tindakan Bertanggungjawab Anda

- Menjamin persekitaran yang selamat kepada kejinanan orang awam ;
- Mengurangkan risiko bahaya kesihatan awam seperti penyakit Denggi dll. ;
- Elak dari dikenakan tuntutan kos perkhidmatan pembersihan oleh Majlis Bandaraya Ipoh dengan caj perkhidmatan 15%, sekiranya Majlis Bandaraya Ipoh yang menguruskan kerja-kerja pembersihan tersebut.

Di Manakah Anda Boleh Mendapat Senarai Nama Kontraktor?

- Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Ipoh
- Di Portal MBI di alamat www.mbi.gov.my
- Risalah program pematuhan pembersihan lot semak-samun sendiri (KENDIRI)